



## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

26 OGOS 2024

### TAWARAN INSENTIF REMISI PENALTI DAN SURCAJ TAHUN 2024 BAGI KES CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN, CUKAI PELANCONGAN, CUKAI JUALAN, CUKAI PERKHIDMATAN DAN LEVI PELEPASAN

Berteraskan kepada slogan “Malaysia Madani”, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) prihatin untuk memperkasa ekonomi dan membantu industri perniagaan. Sehubungan dengan itu, JKDM bersetuju untuk menawarkan insentif remisi penalti dan surcaj bagi menggalakkan entiti perniagaan untuk segera membuat bayaran.

#### KELAYAKAN DAN KADAR TAWARAN INSENTIF REMISI PENALTI DAN SURCAJ TAHUN 2024

1. Bil tuntutan (BOD) bagi tempoh bercukai berakhir pada atau sebelum 31 Disember 2023.
2. Pembayaran cukai, penalti dan surcaj hendaklah dibuat dalam tempoh 26 Ogos 2024 sehingga 31 Disember 2024.
3. Pengiraan bayaran dan remisi yang diberikan adalah mengikut setiap tempoh bercukai. Tuggakan syarikat dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti Jadual A di bawah:

#### JADUAL A : KATEGORI TUNGGAKAN DAN KADAR INSENTIF

KATEGORI TUNGGAKAN	BAYARAN DITERIMA 26 OGOS – 31 DIS 2024		REMISI PENALTI/ SURCAJ
	CUKAI	PENALTI/ SURCAJ	
1. Cukai, penalti dan surcaj	100%	0%	100%
2. Cukai dan penalti/ surcaj	100%	0%	100%
3. Penalti/ surcaj	0%	15%	85%



## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**26 OGOS 2024**

- 
4. Tawaran ini juga terpakai kepada syarikat yang telah mendapat kelulusan ansuran dengan syarat memenuhi jadual di atas.
  5. Bagi syarikat-syarikat yang telah membuat bayaran penyelesaian termasuk pembayaran melalui kaedah *off-setting* dan lain-lain kaedah penyelesaian sebelum 26 Ogos 2024, tiada pulangbalik cukai dan penalti/surcaj dibenarkan.
  6. Insentif ini tidak melibatkan permohonan remisi penalti/surcaj bagi kes-kes yang layak diberi kelulusan remisi sepenuhnya seperti penalti/surcaj yang terjana dari isu-isu teknikal, pindaan cukai *output* dari *bad debt recovered* serta *retention sum* dan penalti/ surcaj ke atas cukai yang diberi kelulusan remisi oleh Kementerian Kewangan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pegawai ABT di Zon / Negeri.